

DATE: 11/10/2010

Muhyiddin galas misi laksana GTP

BH - 11/10/2010

PM mahu beri tumpuan pelaksanaan Pelan Transformasi Ekonomi

TIMBALAN Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dipertanggungjawab memastikan misi dan strategi Pelan Transformasi Negara (GTP) mencapai sasaran termasuk memantau pelaksanaan enam perkara penting dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyerahkan tugas memantau pelaksanaan GTP dan strategi mencapai misi sasaran NKRA kepada Muhyiddin, baru-baru ini bagi membolehkannya memberi tumpuan kepada Pelan Transformasi Ekonomi (ETP).

Muhyiddin berkata, antara lain, beliau perlu memastikan langkah proaktif diambil bagi memastikan setiap per-

kara digariskan NKRA mencapai sasaran.

"Saya akan bekerja lebih rapat dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Ketua Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian (PEMANDU) Kerajaan Malaysia, Datuk Seri Idris Jala. Saya belum dapat tarikh bila berbincang dengan menteri (yang terbabit dalam NKRA) seperti yang selalu dilakukan Perdana Menteri dulu.

"Saya juga akan mendapatkan laporan dan apakah langkah seterusnya yang boleh kita lakukan supaya bidang keberhasilan itu dapat dilaksanakan sebaik mungkin," katanya selepas merasmikan Blok Wawasan, Dewan Malaysia Melbourne, di sini malam tadi.



Muhyiddin Yassin

Turut hadir di majlis itu, isteri Timbalan Perdana Menteri, Puan Seri Norainee Abdul Rahman; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia, Datuk Salman Ahmad

dan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dr Hou Kok Chung.

Blok Wawasan setinggi empat tingkat dilengkapi 20 bilik, siap dibina dengan kos RM15 juta. Blok itu menawarkan kemudahan tambahan dari blok lama, Blok Wawasan yang dibuka pada 1987.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beberapa petanda positif mula dilihat dalam memenuhi matlamat bidang keberhasilan utama negara seperti indeks kadar jenayah yang menurun sebanyak 15 peratus.

"Selain itu, kita akan berusaha membanteras rasuah, menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti, menambah pendapatan, membaiki kemudahan dan meningkatkan sistem pengang-

kutan. Semua ini adalah komitmen besar kerajaan. Kita lakukan ini berdasarkan maklum balas utama yang diterima dari pada rakyat, enam perkara pokok ini (NKRA) kita tidak boleh abaikan," katanya.

Mengulas pertemuannya bersama kumpulan penuntut Malaysia di Australia, Muhyiddin berkata, beliau menekankan pentingnya mereka menjadi sebahagian daripada komponen utama dalam mengisi keperluan negara.

Mengenai cadangan supaya kerajaan membuka pejabat konsulat di Melbourne, Muhyiddin berkata, walaupun dianggap suatu keperluan, cadangan itu perlu diperhalusi terutama ketika negara sedang mengamalkan langkah berjimat cermat.